



TEKS AMANAT

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

PROGRAM BERSAMA

**YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA
“WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG”**

7 MAC 2024 (JUMAAT)

**DEWAN DAMAR SARI 1 & 2,
ARAS 3, BLOK F8, KOMPLEKS F, PUTRAJAYA**

PENDAHULUAN

1. Hari ini amat bertuah kerana kita berkumpul sama-sama meraikan **Sambutan Hari Wanita Tahun 2024 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara.**
2. Tema Hari Wanita 2024 iaitu **“WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG”** amat bertepatan bagi mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara. Tema ini dipilih bagi **menghargai peranan wanita dan memberi penekanan kepada kepentingan mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender** pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini.
3. Tema ini juga memancarkan **peranan wanita sebagai tonggak utama dalam pembangunan sosial masyarakat, termasuk peranan wanita sebagai ibu, tonggak kebahagiaan keluarga, pemimpin masyarakat, penggerak komuniti profesional, dan pemimpin global.**
4. Seperti mana semua sedia maklum, **Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac setiap tahun** tidak kira di peringkat antarabangsa mahupun dalam negara, dengan pelbagai acara dan pengisian dilaksanakan sepanjang bulan Mac

untuk meraikan kejayaan terhadap sumbangan dan pencapaian kaum wanita.

5. **Manakala di peringkat Kementerian, kita menyambutnya pada hari ini iaitu 7 Mac 2024 sebagai tanda sokongan penuh dan menzahirkan penghargaan kepada warga kerja wanita di Kementerian dan jabatan yang banyak menyumbang tenaga, masa dan idea dalam membantu Kementerian mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan.**
6. Saya difahamkan bahawa secara keseluruhannya warga kerja wanita di Kementerian dan Jabatan adalah seramai **5,676 orang bersamaan 79.65% berbanding bilangan lelaki.** Manakala **296 wanita di peringkat pengurusan atasan** manakala di **peringkat sokongan adalah seramai 5380.**
7. Angka-angka yang dinyatakan ini menunjukkan peranan wanita adalah sangat besar dan signifikan kepada Kementerian dan Jabatan dan menjadi antara elemen pemacu terhadap setiap kejayaan yang dicapai oleh Kementerian.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga KPN atas segala komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam membantu Kementerian memperoleh kejayaan bersama. Sebelum akhiri, saya ingin menyampaikan dua rangkap pantun.

Ibu Muda Memakai Mutiara

Anak Gadis Memasak Tapai

Membangun MADANI Rakyat Sejahtera

Wanita Hebat Perpaduan Dicapai

Layang-Layang Tinggi Di Angkasa

Anak Tikus Disambar Helang

Srikandi Wanita Wira Perkasa

WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG

Saya dengan ini merasmikan **Sambutan Hati Wanita 2024 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara.**

Sekian, terima kasih.